

3 syarikat ubah suai lima feri ikonik Pulau Pinang

Georgetown: Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) semalam, akhirnya menyerahkan lima feri ikonik lama Pulau Pinang kepada tiga syarikat yang berkeelayakan yang akan mengubah suai kepada feri pelancongan, muzium dan restoran terapung.

Tiga syarikat berkeelayakan itu daripada Syarikat Printhero Merchandise (M) Sdn Bhd, Syarikat Chuen Shin Aquaculture Sdn Bhd dan Syarikat Kantan Jaya.

Pengerusi SPPP, Datuk Tan Teik Cheng, berkata Mesyuarat Lembaga Pengarah SPPP pada pertengahan Jun lalu meluluskan tiga syarikat berkenaan untuk mengubah suai dan mengendalikan lima feri ikonik negeri ini sepanjang 15 tahun.

Menurutnya, kedua-dua pihak akan menandatangani kontrak pajakan feri selama 10 tahun dengan opsyen penyambungan lima tahun disamping syarikat yang mengambil alih feri juga mesti menyerahkan wang jaminan RM200,000 setiap feri kepada SPPP.

"Syarikat yang terpilih terdiri daripada Syarikat Printhero Merchandise (M) Sdn Bhd yang akan mengubah suai *Feri Pulau Pinang* kepada muzium terapung terletak di Tanjung City Marina. Syarikat ini berpengalaman dalam mengendalikan kedai cenderamata di Stesen Bawah Bukit Bendera, Muzium Negara dan Muzium Perak, selain berpengalaman dalam bidang percetakan dan F&B.

"Syarikat ini akan memastikan Muzium Feri Pulau Pinang ini akan mengembalikan nostalgia mengenai sejarahnya kepada semua pelawat muzium, terutama



Tiga feri ikonik Pulau Pinang, Pulau Undan, Pulau Kapas dan Pulau Talang-Talang ditambah berhampiran Terminal Feri Pangkalan Sultan Abdul Halim, Georgetown.

(Foto Danial Saad/BH)

kepada penduduk Pulau Pinang. Muzium ini terdiri daripada pameran bergambar, visual, kedai cenderamata, kafe dan tempat fotografi," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Teik Cheng berkata, syarikat kedua yang terpilih daripada Syarikat Chuen Shin Aquaculture Sdn Bhd yang memperoleh hak untuk mengubah suai *Feri Pulau Kapas* dan *Feri Pulau Payar* kepada restoran terapung.

"Kedua-dua feri ini akan ditempatkan berhampiran Pulau Jerejak. Syarikat Chuen Shin Aquaculture memiliki banyak sangkar ternakan ikan di sekitar Pulau Jerejak. Syarikat ini juga mengendalikan beberapa restoran makanan laut serta mempunyai pengetahuan maritim.

"Rangkaian tarikan pelancong

ini pasti akan merangsang industri pelancongan Pulau Pinang dan tentu menjadi sebagai satu tempat ikonik pelancongan," katanya.

Syarikat ketiga pula adalah Syarikat Kantan Jaya yang memperoleh hak untuk mengubah suai *Feri Pulau Undan* dan *Pulau Talang-Talang* kepada feri pelancongan.

"Feri pelancongan akan berlabuh di Swettenham Pier dan hanya membawa penumpang tanpa kenderaan. Reka bentuk feri adalah dikekalkan bagi menjaga warisan negeri Pulau Pinang.

Feri pelancongan ini akan mempunyai restoran, bilik persidangan, restoran untuk majlis jamuan dan perkahwinan, menjual produk tempatan, kedai cen-

deramata dan lain-lain.

"Syarikat ini mempunyai pengalaman selama 40 tahun dalam bidang perkapalan dan berupaya menyelenggara feri. Kelebihan ini membolehkan syarikat itu memastikan perkhidmatan feri pelancongan disediakan secara berterusan," katanya.

Dalam pada itu, Teik Cheng menegaskan hanya dua feri sahaja, iaitu *Feri Pulau Talang-Talang* dan *Feri Undan* yang dapat berlayar, manakala tiga lagi feri sudah tidak dapat diperbaiki lagi dan diberhentikan operasi pada akhir 2019.

"Walau bagaimanapun, SPPP akan memastikan feri ikonik ini akan muncul di perairan Pulau Pinang untuk bertemu dengan rakyat Pulau Pinang dan pelancong," katanya.